

Jasa Kolej 13 UPM di FELDA Mengkuang

Triang: Atas usaha berterusan mengadakan program khidmat masyarakat, pelajar Kolej 13, Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai universiti angkat untuk FELDA Mengkuang dan Sekolah Kebangsaan (SK) Mengkuang, Triang, Pahang.

Pengetua Kolej 13 UPM, Prof Madya Dr Ariffin Abdu, berkata program bakti siswa yang dianjurkan itu ialah pendedahan kepada industri bagi membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan UPM apabila mereka bergaduat kelak.



HUBUNGAN BER-
TERUSAN PELAJAR
UPM DAN WARGA
KOMUNITI SATU KE-
LESTARIAN JALINAN
MENGUKUHKAN
PENYATUAN"

Dr Ariffin Abdu,
Pengetua Kolej 13 UPM

"Tahun ini, seramai 80 pelajar dan 30 keluarga angkat di FELDA Mengkuang terbabit dalam program yang sebelum ini pernah diadakan selama empat tahun. Selain itu, 97 pelajar sekolah turut menyertai aktiviti yang disediakan," katanya

Bantu kanak-kanak

Pengarah Program Tautan Kasih Bestari yang juga Ketua Felo Kolej 13, Zulkhairi Azizi Zainal Abidin, berkata program itu ialah latihan secara langsung bagi mendedahkan pelajar kepada konsep komuniti



Pelajar Kolej 13 UPM ketika mengadakan lawatan sambil menabur bakti di FELDA Mengkuang.

yang menjadi aspek penting masa kini. "Hubungan yang berterusan antara pelajar UPM dan warga komuniti ialah satu kelestarian jalinan yang mengukuhkan penyatuan antara institusi pengajian tinggi dan masyarakat setempat," katanya.

Ketika berada di FELDA Mengkuang, pelajar Kolej 13 turut membantu pelajar SK Mengkuang dalam pelajaran termasuk menjalankan aktiviti 'Best MATH' untuk membantu pelajar menguasai subjek matematik, eksperimen 'Science Camp' bagi mena-

rik minat pelajar terhadap sains serta 'Fear No More' untuk membantu meningkatkan keyakinan pelajar sekolah menggunakan bahasa Inggeris.

Kegiatan sampingan
Aktiviti bersama-sama masyarakat pula antara-

nya ialah Malam Mesra Mengkuang, gotong-royong, sukaneka dan Golden Crops of Malaysia yang membabitkan penanaman anak sawit seluas hampir empat ekar oleh mahasiswa dan penduduk. Program bakti siswa 'Tautan Kasih Bestari'

kali ini mendapat tajaan daripada FELDA, Bank Rakyat dan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sendiri. Kini, Kolej 13 UPM merancang mengadakan aktiviti susulan seperti

program motivasi kepada pelajar SK Mengkuang, lawatan sambil belajar warga FELDA Mengkuang memperkenalkan teknologi dan produk pertanian UPM serta kursus pematapan minda untuk golongan pelajar di kawasan sekitar Putrajaya.